

Operasi cukai taksiran DBKL

Penghuni naik berang

Oleh CIK ROSMA CHE ABU BAKAR
kota@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 19 April – Lawatan pegawai dan anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ke sebuah unit Apartmen Baiduri di Desa Pandan di sini hari ini nyata tidak disenangi oleh penghuninya.

Pemilik itu bukan sahaja terkejut tetapi naik berang apabila melihat kehadiran pegawai berkenaan untuk menjalankan operasi sita diiringi oleh anggota polis dan wakil media.

Bagaimanapun, suasana yang agak tegang itu dapat diredakan oleh pegawai dan anggota penguat kuasa DBKL, yang kemudian berjaya mendapatkan kerjasama dari pemilik premis tersebut.

Lawatan itu bertujuan mengutip cukai taksiran tertunggak daripada penghuni berkenaan yang berjumlah RM15,000.

Bagaimanapun, perbincangan yang dibuat DBKL masih memberi masa kepada penghuni untuk melunaskan bayaran. Ia tidak mengambilkira tindakan.

Akauntan Jabatan Kewangan DBKL, Wan Ahmad Khairul Wan Husain berkata, pihaknya bersetuju dengan permintaan pemilik premis berkenaan untuk membayar sebahagian kecil jumlah taksiran tertunggak sebagai tanda komitmen.

"Pemiliknya bersetuju membayar

sebanyak RM1,300 pada hari ini. Beliau berjanji akan datang ke pejabat DBKL untuk membuat bayaran selanjutnya pada minggu hadapan," katanya selepas mengetuai operasi tersebut.

Jelasnya, walaupun DBKL bersikap tegas tetapi masih menggunakan budi biacara untuk memberi masa kepada penduduk menyelesaikan cukai mereka.

Sementara itu, pemilik sebuah lagi premis di Apartmen La Chateau, Lorong Syed Putra gagal dikesan dan DBKL telah menampal notis bagi tindakan selanjutnya.

Pemilik diberi tempoh selama tujuh hari untuk menjelaskan bayaran cukai dan jika gagal berbuat demikian pemilik akan didakwa di bawah Seksyen 151 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

"Segala harta alih yang ditahan juga boleh dilelong," tegas Wan Ahmad Khairul.

Menurut beliau, sepanjang tahun ini terdapat 600 buah premis yang akan disita manakala jumlah tunggakan cukai taksiran berjumlah RM300 juta.

Operasi sita kali ini turut diiringi beberapa orang anggota polis, pegawai dan kakitangan dari Jabatan Kewangan DBKL, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang dan Jabatan Seni Taman dan Kawalan Pembersihan Bandar.



WAN Ahmad Khairul Wan Husain (tengah) menunjukkan wang RM1,300 yang dibayar oleh seorang pemilik rumah dalam operasi sita di Desa Pandan, Kuala Lumpur semalam. – UTUSAN/ZULHAFIZ HANAFIAH

